- **Notis Bertulis:** Sekiranya anda memilih untuk menyerahkan pelan asas anda selepas tempoh penelitian percuma 15 hari, anda boleh memohon dengan mengisi borang penyerahan dan menghantarkannya kepada kami. Rider ini juga akan ditamatkan dan sebarang baki di dalam Akaun Peserta ("AP") dan *ILF(s)* akan dibayar. Amaun penyerahan yang anda terima akan berdasarkan *ILF(s)* anda pada masa kami meluluskan permintaan anda, yang mungkin kurang daripada jumlah caruman takaful yang telah anda bayar. Sekiranya anda ingin membatalkan rider ini, anda boleh memohon melalui endorsemen dengan mengisi borang endorsemen dan menghantarkannya kepada kami. Untuk makluman, baki di dalam AP dan *ILF(s)* tidak akan dibayar jika anda memilih untuk membatalkan rider ini sahaja.

Helaian Penerangan Produk menyediakan beberapa maklumat penting yang perlu anda pertimbangkan sebelum anda sertai rider takaful terbaik yang memenuhi keperluan anda. Anda perlu membaca Sijil dengan teliti untuk mendapatkan butiran penuh tentang perlindungan anda.

**KETAHUI LEBIH LANJUT**


### Langkah 1 Adakah rider ini tepat untuk anda?

Sijil takaful ini melindungi penghospitalan dan perbelanjaan pembedahan ("H&S") yang berlaku akibat penyakit yang dilindungi di bawah sijil sehingga 80 tahun hari lahir akan datang ("ANB").

Caruman takaful anda akan digabungkan dengan caruman peserta takaful yang lain untuk membayar tuntutan. Sekiranya jumlah tuntutan yang dibayar dari Tabung Takaful adalah tinggi, caruman takaful bagi setiap peserta dalam Tabung Takaful yang sama akan dinaikkan, termasuk caruman takaful anda walaupun anda tidak membuat tuntutan.

### Langkah 2 Adakah rider ini memenuhi keperluan anda?

#### Apakah yang dilindungi?

- ✓ Bilik & Penginapan Hospital: RMRM500
- ✓ Perbelanjaan pembedahan: Seperti yang dicaj
- ✓ Rawatan Kesakitan Pesakit Luar: Seperti yang dicaj
- ✓ Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar: Seperti yang dicaj

Manfaat yang dibayar adalah atas dasar tanpa tunai dan tertakluk kepada:

- ✓ Had Tahunan Keseluruhan: RM1,000,000
- ✓ Had Seumur Hidup Keseluruhan: Tiada Had Seumur Hidup

#### Apakah yang tidak dilindungi?

- ✗ Sebarang tuntutan akibat penyakit sedia ada.
- ✗ Sebarang tuntutan yang disebabkan oleh Penyakit atau Penyakit Tertentu yang berlaku dalam Tempoh Menunggu.
- ✗ Kehamilan atau melahirkan anak.
- ✗ Sebarang jagaan atau rawatan yang diterima terutamanya untuk tujuan eksperimen atau siasatan.



**Senarai di atas adalah tidak lengkap.** Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada Lampiran dengan mengimbas kod QR di atas dan rujuk kepada Sijil bagi maklumat penuh mengenai apakah yang dilindungi dan tidak dilindungi.

### Langkah 3 Bolehkah anda menampung peningkatan caruman takaful dari semasa ke semasa?


Jadual Unjuran Caruman Takaful

| Umur | Caruman takaful tahunan semasa pada umur dicapai (RM) | Jangkaan caruman takaful tahunan                           |                                                | Dalam jangka masa panjang, anda boleh mengurangkan caruman takaful yang perlu dibayar dengan memilih pelan yang mempunyai: |
|------|-------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------|------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |                                                       | Berdasarkan inflasi perubatan tahunan <sup>1</sup> 7% (RM) | Berdasarkan inflasi perubatan tahunan 10% (RM) |                                                                                                                            |
| 30   | 4,068.00                                              | 4,352.76                                                   | 4,474.80                                       | a) Deduktibel yang lebih tinggi; atau<br>b) Had tahunan yang lebih rendah.                                                 |
| 35   | 4,068.00                                              | 4,352.76                                                   | 4,474.80                                       |                                                                                                                            |
| 40   | 4,068.00                                              | 4,352.76                                                   | 4,474.80                                       |                                                                                                                            |
| 45   | 4,068.00                                              | 4,352.76                                                   | 4,474.80                                       |                                                                                                                            |
| 50   | 4,068.00                                              | 4,352.76                                                   | 4,474.80                                       |                                                                                                                            |


- Unjuran di atas adalah hanya **untuk tujuan ilustrasi sahaja**.
- Caruman Takaful dipengaruhi oleh peningkatan kos rawatan dan peningkatan penggunaan perkhidmatan penjagaan kesihatan oleh peserta takaful. Ini boleh menyebabkan kadar inflasi perubatan sebenar menjadi lebih tinggi atau lebih rendah daripada ilustrasi di atas. Kami sedang melaksanakan langkah-langkah pembendungan kos yang perlu dengan kerjasama pihak berkepentingan lain untuk menguruskan peningkatan caruman takaful dari semasa ke semasa.
- Sejumlah caruman takaful anda akan digunakan untuk membayar tuntutan. Secara purata industri, bagi setiap RM1.00 daripada caruman takaful yang dibayar, RM072<sup>2</sup> diperuntukkan untuk membayar tuntutan. Selebihnya digunakan untuk membayar komisen kepada wakil jualan, perbelanjaan pentadbiran dan keuntungan pengendali-pengendali takaful.

<sup>1</sup> Ini adalah peningkatan dalam purata kos rawatan dari tahun ke tahun yang dikeluarkan oleh hospital kepada industri insurans dan takaful dari tahun 2020 hingga 2023.

<sup>2</sup> Ini adalah berdasarkan purata data industri insurans dan takaful dari tahun 2021 hingga 2023. Pengalaman sebenar produk yang anda langgan mungkin berbeza daripada purata industri.



**Sekarang:** Caruman Takaful adalah mencukupi bagi tujuan Tuntutan dan Lain-lain



**Masa Hadapan:** Berikutan inflasi perubahan, caruman takaful mungkin tidak mencukupi bagi tujuan Tuntutan dan Lain-lain

\*Lain-lain termasuk komisen (sekiranya terpakai), yuran pengurusan dan keuntungan

Nota: Carta ini tidak dilukis mengikut skala

#### Langkah 4 Apakah perkara lain yang anda perlu beri perhatian?

- Anda mesti menjawab soalan yang ditanya oleh kami dengan sepenuhnya dan tepat. Kegagalan dalam mengambil penjagaan munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan penolakan tuntutan anda atau penamatan sijil anda.
- Jika anda memutuskan untuk tidak mengambil sijil takaful ini dalam tempoh 15 hari selepas sijil ini dihantarkan kepada anda, anda boleh menghubungi kami untuk membatalkan sijil anda dan menerima bayaran balik penuh (tolak sebarang perbelanjaan pemeriksaan perubatan yang ditanggung).
- Perlindungan anda hanya akan bermula 30 hari dari tarikh kuat kuasa atau tarikh kuat kuasa semula sijil takaful, mana-mana yang terkemudian, bagi penyakit selain daripada penyakit tertentu. Bagi penyakit tertentu, perlindungan anda hanya akan bermula 120 hari selepas tarikh kuat kuasa atau kuat kuasa semula sijil takaful, mana-mana yang terkemudian.
- Yuran wakalah<sup>3</sup> yang perlu anda bayar adalah RM10,983 atau 5% daripada jumlah caruman takaful, yang dibayar sepanjang 50 tahun, di mana komisen kepada wakil jualan anda adalah RM4,068 atau 2% dan perbelanjaan pentadbiran adalah RM6,915.60 atau 3%

<sup>3</sup>Angka ini adalah berdasarkan caruman takaful semasa pada umur dicapai.



**Senarai di atas adalah tidak lengkap.** Sila rujuk kepada Lampiran dengan mengimbas kod QR di atas untuk butiran penuh tentang terma dan syarat utama.

#### Langkah 5 Sudahkah anda pertimbangkan produk lain yang mungkin sesuai dengan keperluan anda?

Jadual Pilihan Pelan

|                                                      | Produk yang Disyorkan                                                                                  | Pilihan Produk Alternatif                                                                              |                                                                                                        |
|------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|                                                      | myMedic Plan 500                                                                                       | Pilihan 1 myMediShare P400                                                                             | Pilihan 2 myMedic Plan 350                                                                             |
| <b>Caruman Takaful Tahunan</b>                       | RM8,039.00<br><i>Ini termasuk caruman takaful tahunan bagi sijil asas takaful keluarga</i>             | RM1,222.00<br><i>Caruman takaful tahunan adalah lebih rendah sebanyak RM6,817.00</i>                   | RM7,331.00<br><i>Caruman takaful tahunan adalah lebih rendah sebanyak RM708.00</i>                     |
| <b>Jenis</b>                                         | Kemudahan tanpa tunai                                                                                  | Kemudahan tanpa tunai                                                                                  | Kemudahan tanpa tunai                                                                                  |
| <b>Tempoh Perlindungan</b>                           | Sehingga 80 ANB<br><i>Pembaharuan adalah dijamin tetapi kadar caruman takaful adalah tidak dijamin</i> | Sehingga 85 ANB<br><i>Pembaharuan adalah dijamin tetapi kadar caruman takaful adalah tidak dijamin</i> | Sehingga 80 ANB<br><i>Pembaharuan adalah dijamin tetapi kadar caruman takaful adalah tidak dijamin</i> |
| <b>Ko-Takaful<sup>4</sup>/Deduktibel<sup>5</sup></b> | Deduktibel: -                                                                                          | {{option1.coTakafulBM}}                                                                                | Deduktibel: -                                                                                          |
| <b>Bilik &amp; Penginapan Hospital</b>               | RM500 setiap hari                                                                                      | RM400 setiap hari                                                                                      | RM350 setiap hari                                                                                      |

|                                                 |                        |                        |                        |
|-------------------------------------------------|------------------------|------------------------|------------------------|
| <b>Yuran Pembedahan<sup>6</sup></b>             | Seperti yang dicaj     | Seperti yang dicaj     | Seperti yang dicaj     |
| <b>Keseluruhan Had Tahunan<sup>7</sup></b>      | RM1,000,000            | RM400,000              | RM700,000              |
| <b>Keseluruhan Had Seumur Hidup<sup>8</sup></b> | Tiada had seumur hidup | Tiada had seumur hidup | Tiada had seumur hidup |

<sup>4</sup>**Ko-Takaful:** Peratus tetap daripada caj perubatan yang anda perlu bayar. Contohnya, 5% Ko-Takaful bermakna anda hanya perlu bayar 5% daripada bil perubatan terhadap kepada RM500 bagi setiap tahun sijil, dan kami akan menanggung bakinya.

<sup>5</sup>**Deduktibel:** Jumlah tetap yang anda perlu bayar bagi setiap satu keilatan sebelum kami membayar mana-mana manfaat di bawah pelan. Contohnya, RM3,000 deduktibel bermakna anda perlu membayar RM3,000 daripada poket anda sendiri dan kami akan bayar bakinya (terhadap kepada had yang berkaitan).

<sup>6</sup>**Yuran Pembedahan:** Ini adalah tertakluk kepada Ko-Takaful/Deduktibel.

<sup>7</sup>**Keseluruhan Had Tahunan:** Jumlah maksimum yang anda boleh tuntutan dalam setahun.

<sup>8</sup>**Keseluruhan Had Seumur Hidup:** Jumlah maksimum yang anda boleh tuntutan sepanjang tempoh perlindungan.

Jadual ini tidak memaparkan kesemua ciri-ciri produk yang dibandingkan. Sila rujuk kepada kami/wakil jualan anda untuk maklumat lebih lanjut mengenai perbezaan ciri-ciri produk-produk ini.



## Konsep Syariah

|                 |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |
|-----------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Tabarru'</b> | <ul style="list-style-type: none"> <li>Derma untuk tujuan kebajikan.</li> <li>Anda menderma suatu amaun daripada AP ke dalam Akaun Khas Peserta ("Dana Risiko") untuk membantu peserta lain.</li> <li>Tabarru' berkuat kuasa apabila anda mencarum ke dalam Dana Risiko.</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |
| <b>Wakalah</b>  | <ul style="list-style-type: none"> <li>Sebuah kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal, memberi kuasa kepada satu pihak yang lain sebagai wakilnya.</li> <li>Wakil tersebut akan melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan upah.</li> <li>Di dalam pelan ini, anda memberi kuasa kepada kami untuk menguruskan sijil, dan sebagai balasannya, kami akan menerima yuran Wakalah dan caj perkhidmatan. Di samping itu, sekiranya berkenaan, anda membenarkan kami menerima caj pengurusan dana untuk menguruskan <i>ILF(s)</i>.</li> </ul> |
| <b>Ju'alah</b>  | <ul style="list-style-type: none"> <li>Sebuah kontrak di mana satu pihak menawarkan ganjaran kepada pihak lain atas pencapaian hasil tertentu.</li> <li>Anda membenarkan kami untuk menerima 15% daripada keuntungan pelaburan daripada AP dan 50% daripada lebihan yang boleh diagihkan daripada Dana Risiko, jika ada, sebagai insentif prestasi atas pencapaian kami dalam menguruskan AP dan Dana Risiko.</li> </ul>                                                                                                                                                                          |
| <b>Qard</b>     | <ul style="list-style-type: none"> <li>Pinjaman tanpa sebarang faedah.</li> <li>Kami akan meminjamkan sejumlah wang ke dalam Dana Risiko tanpa faedah sekiranya Dana Risiko mengalami defisit untuk membayar tuntutan.</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |
| <b>Hibah</b>    | <ul style="list-style-type: none"> <li>Pemindahan hak milik aset dari penderma kepada penerima tanpa apa-apa balasan.</li> <li>Manfaat-manfaat yang akan dibayar dari Dana Risiko adalah diberikan sebagai Hibah.</li> <li>Penama boleh menerima manfaat yang dibayar sebagai Hibah sekiranya penama adalah benefisiari di bawah Hibah bersyarat.</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                      |
| <b>Waqf</b>     | <ul style="list-style-type: none"> <li>Satu bentuk endowmen oleh pemilik harta untuk manfaat dan kesejahteraan umum yang dibenarkan oleh Syariah.</li> <li>Di bawah myIthram Plus, manfaat Waqaf akan dibayar daripada Dana Risiko kepada rakan kerjasama Kami, yang akan melaksanakan wakaf bagi pihak orang yang dilindungi sekiranya berlaku kematian atau KMK.</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                     |



## Perlindungan/Manfaat – manfaat

|                                             |                                                                                                                                                 |                                                                                        |
|---------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Bayaran Manfaat</b>                      | Jumlah manfaat untuk kematian/KMK dan penyakit kritikal akan dikurangkan sekiranya orang yang dilindungi berumur bawah 5 tahun seperti berikut: |                                                                                        |
|                                             | <b>Umur</b>                                                                                                                                     | <b>Jumlah Disemak Semula<br/>(Peratusan daripada Jumlah Manfaat)</b>                   |
|                                             | 1                                                                                                                                               | 20%                                                                                    |
|                                             | 2                                                                                                                                               | 40%                                                                                    |
|                                             | 3                                                                                                                                               | 60%                                                                                    |
|                                             | 4                                                                                                                                               | 80%                                                                                    |
|                                             | 5                                                                                                                                               | 100%                                                                                   |
| <b>Senarai Penyakit Kritikal Dilindungi</b> | <b>Senarai Penyakit Kritikal</b>                                                                                                                |                                                                                        |
|                                             | 1. Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk                                                                                                          | 25. Transplantasi Organ Utama / Sumsum Tulang                                          |
|                                             | 2. Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari*                                                                         | 26. Penyakit Neuron Motor – defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan |
|                                             | 3. Meningitis Bakteria – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian                                           | 27. Sklerosis Multipel                                                                 |
|                                             | 4. Tumor Otak Benign – keterukan tertentu                                                                                                       | 28. Distrofi Otot                                                                      |
|                                             | 5. Buta – Kekal dan Tidak Boleh Pulih                                                                                                           | 29. Kelumpuhan Anggota                                                                 |
|                                             |                                                                                                                                                 |                                                                                        |

|                                                                                                           |                                                                                                       |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 6. Pembedahan Otak                                                                                        | 30. Penyakit Parkinson – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian |
| 7. Kanser – keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal                                     | 31. Hipertensi Arteri Pulmonari Primer – keterukan tertentu                                           |
| 8. Kardiomiopati – keterukan tertentu                                                                     | 32. Penyakit Arteri Koronari Serius                                                                   |
| 9. Anemia Aplastik Kronik – mengakibatkan Kegagalan Sumsum Tulang kekal                                   | 33. Strok / Angin Ahmar – mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan    |
| 10. Koma - mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal yang berterusan                  | 34. Pembedahan Aorta                                                                                  |
| 11. Pembedahan Pintasan Arteri Koronari                                                                   | 35. Lupus Eritematosus Sistemik dengan Komplikasi Buah Pinggang yang Teruk                            |
| 12. Pekak – Kekal dan Tidak Boleh Pulih                                                                   | 36. Kelecuman Tahap Ketiga – keterukan tertentu                                                       |
| 13. Ensefalitis – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian            | 37. Jangkitan Virus Imunodefisiensi Manusia (HIV) yang Diperolehi Melalui Pekerjaan                   |
| 14. Kegagalan Hati Tahap Akhir                                                                            | 38. Penyakit Terminal                                                                                 |
| 15. Penyakit Paru – Paru Tahap Akhir                                                                      | 39. Penyakit Medulari Sistik                                                                          |
| 16. Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) Dengan Gejala Penuh                                 | 40. Sindrom Apalik (iaitu Keadaan Vegetatif Berterusan)                                               |
| 17. Hepatitis Viral Fulminan                                                                              | 41. Hepatitis Autoimun Kronik                                                                         |
| 18. Serangan Jantung – keterukan tertentu                                                                 | 42. Pankreatitis Berulang Kronik                                                                      |
| 19. Pembedahan Injap Jantung                                                                              | 43. Penyakit Creutzfeldt-Jakob                                                                        |
| 20. Jangkitan Virus Imunodefisiensi Manusia (HIV) Melalui Transfusi Darah                                 | 44. Demam Berdarah Ebola                                                                              |
| 21. Kegagalan Buah Pinggang – memerlukan dialisis atau transplan buah pinggang                            | 45. Elephantiasis                                                                                     |
| 22. Kehilangan Upaya Hidup (Berdikari)                                                                    | 46. Poliomyelitis                                                                                     |
| 23. Hilang Keupayaan Bertutur                                                                             | 47. Skleroderma Progresif                                                                             |
| 24. Trauma Kepala Major (Teruk) – mengakibatkan keilangan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian | 48. Sindrom Eisenmenger yang Teruk                                                                    |

\*Tidak berkenaan dengan *myMultipay Critical Illness*, *myWaiver*, dan *myPayor Plus*.

Aktiviti Kehidupan Harian adalah seperti berikut:

- Pemindahan -Duduk dan bangun dari kerusi tanpa memerlukan bantuan fizikal.
- Pergerakan -Keupayaan untuk bergerak dari satu bilik ke bilik yang lain tanpa memerlukan bantuan fizikal.
- Perihal Mengawal -Keupayaan untuk mengawal fungsi usus dan pundi kencing secara sendirinya untuk menjaga kebersihan diri.
- Pemakaian -Memakai dan menanggalkan kesemua pakaian yang perlu tanpa memerlukan bantuan orang lain.
- Mandi/Membersihkan diri -Keupayaan untuk membersihkan diri di tempat mandi tab atau mandi pancuran (termasuk memasuki dan keluar dari tab mandi atau mandi pancuran) atau membersihkan diri dengan cara yang lain.
- Makan -Kesemua tugas memasukkan makanan ke dalam badan apabila makanan telah disediakan



| Skala Indemniti untuk myPA | Seksyen | Deskripsi Peristiwa Berbayar                                       | Peratus Jumlah Perlindungan |
|----------------------------|---------|--------------------------------------------------------------------|-----------------------------|
|                            | A.      | Kematian Akibat Kemalangan                                         | 100%                        |
|                            | B.      | Kematian Akibat Kemalangan-Indemniti Berganda                      | 200%                        |
|                            | C.      | Keilatan Kekal Akibat Kemalangan                                   |                             |
|                            |         | 1. Kehilangan dua anggota badan                                    | 100%                        |
|                            |         | 2. Kehilangan kedua tangan, atau semua jari dan kedua dua ibu jari | 100%                        |
|                            |         | 3. Kehilangan menyeluruh penglihatan kedua dua mata                | 100%                        |
|                            |         | 4. Lumpuh meyeluruh                                                | 100%                        |
|                            |         | 5. Kehilangan penglihatan sebelah mata                             | 50%                         |
|                            |         | 6. Kehilangan lengan                                               |                             |
|                            |         | a. di pinggul                                                      | 100%                        |
|                            |         | b. antara bahu dan siku                                            | 100%                        |
|                            |         | c. di siku                                                         | 100%                        |
|                            |         | d. antara siku dan pergelangan tangan                              | 100%                        |
|                            |         | e. di pergelangan tangan                                           | 100%                        |
|                            |         | 7. Kehilangan kaki                                                 |                             |
|                            |         | a. di pinggul                                                      | 100%                        |
|                            |         | b. antara lutut dan pinggul                                        | 100%                        |
|                            |         | c. bawah lutut                                                     | 100%                        |
|                            |         | 8. Hilang pendengaran                                              |                             |
|                            |         | a. Kedua-dua telinga                                               | 75%                         |
|                            |         | b. Satu telinga                                                    | 15%                         |
|                            |         | 9. Kehilangan pertuturan                                           | 50%                         |
|                            |         | 10. Kehilangan Jari                                                |                             |
|                            |         | a. Empat jari and ibu jari sebelah tangan                          | 50%                         |
|                            |         | b. Four Jaris of satu hand                                         | 40%                         |
|                            |         | c. Ibu jari                                                        |                             |
|                            |         | i. kedua-dua falanks                                               | 25%                         |
|                            |         | ii. satu falanks                                                   | 10%                         |
|                            |         | d. Jari telunjuk                                                   |                             |
|                            |         | i. tiga falanks                                                    | 10%                         |
|                            |         | ii. dua falanks                                                    | 8%                          |
|                            |         | iii. satu falanks                                                  | 4%                          |
|                            |         | e. Jari tengah                                                     |                             |
|                            |         | i. tiga falanks                                                    | 6%                          |
|                            |         | ii. dua falanks                                                    | 4%                          |
|                            |         | iii. satu falanks                                                  | 2%                          |
|                            |         | f. Jari manis                                                      |                             |
|                            |         | i. tiga falanks                                                    | 5%                          |
|                            |         | ii. dua falanks                                                    | 4%                          |
|                            |         | iii. satu falanks                                                  | 2%                          |
|                            |         | g. Jari kecil                                                      |                             |
|                            |         | i. tiga falanks                                                    | 4%                          |
|                            |         | ii. dua falanks                                                    | 3%                          |
|                            |         | iii. satu falanks                                                  | 2%                          |
|                            |         | h. Metakarpal                                                      |                             |
|                            |         | i. pertama atau kedua (tambahan)                                   | 3%                          |
|                            |         | ii. ketiga, keempat atau kelima (tambahan)                         | 2%                          |
|                            |         | i. Jari kaki                                                       |                             |
|                            |         | i. semua satu kaki                                                 | 15%                         |

|                                     |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |                                                                                 |                                                 |            |            |            |
|-------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------|------------|------------|------------|
|                                     |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           | ii. hebat, kedua-dua falanks                                                    | 5%                                              |            |            |            |
|                                     |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           | iii. hebat satu falanks                                                         | 2%                                              |            |            |            |
|                                     |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           | iv. selain dari hebat, jika lebih daripada satu jari kaki hilang, masing-masing | 1%                                              |            |            |            |
|                                     | <b>Nota:</b> <ul style="list-style-type: none"><li>Kehilangan upaya kekal dan menyeluruh pada anggota badan akan dianggap sama seperti kehilangan anggota badan tersebut.</li><li>Bagi sebarang kehilangan upaya kekal separa yang tidak tersenarai di atas (kecuali kehilangan deria rasa atau bau), kami akan menentukan peratusan kehilangan upaya yang wajar dan selaras dengan skala yang disediakan.</li><li>Jumlah peratusan yang perlu dibayar bagi sebarang satu kemalangan tidak akan melebihi 100% daripada Jumlah dilindungi, atau 200% bagi indemniti berganda di bawah rider ini.</li></ul> |                                                                                 |                                                 |            |            |            |
| <b>Jadual Manfaat untuk myMedic</b> | <b>No.</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                | <b>Deskripsi Manfaat</b>                                                        | <b>Amaun Maksimum (dalam RM)</b>                |            |            |            |
|                                     |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |                                                                                 | Pelan 150                                       | Pelan 250  | Pelan 350  | Pelan 500  |
|                                     | <b>A. MANFAAT HOSPITAL DAN PEMBEDAHAN</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |                                                                                 |                                                 |            |            |            |
